

Bajet 2005 diharap beri IPT insentif menarik

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

PELBAGAI pihak yakin kerajaan akan terus memberi insentif menarik kepada institusi pengajian tinggi (IPT) dalam Bajet 2005 selari dengan dasar memajukan bidang bioteknologi dan menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan pendidikan di rantau ini.

Malah, IPT yang bertumpu kepada pembangunan bidang bioteknologi dan pertanian seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dijangka akan mendapat peruntukan lebih besar seperti dalam bajet sebelum ini.

Pengarah Perancang Korporat, UPM, Prof Madya Zainal Abidin Kidam, berkata kerajaan sudah tentu akan menyediakan dana sewajarnya bagi memajukan lagi bidang yang menjadi keutamaan seperti pertanian dan industri asas tani.

Katanya, satu daripada fokus kepemimpinan Perdana Menteri ialah memodenkan sektor pertanian dan menjadikannya enjin pertumbuhan ekonomi selepas perkhidmatan dan pelancongan.

"Selaras dengan dasar ini, kita menjangka Bajet 2005 akan memberi dana besar untuk memodenkan bidang pertanian sama ada dari segi penyediaan infrastruktur mahupun pengeluaran sumber manusia mahir dalam bidang tanaman, penternakan atau industri makanan dan komoditi."

"Institusi seperti UPM yang sentiasa mendokong kemajuan pertanian negara dijangka mendapat peruntukan sewajarnya kerana beberapa projek yang sudah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) tertangguh dan dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9)."

"Bajet 2005 yang menjadi pembuka tirai

“Bajet 2005 yang menjadi pembuka tirai RM-9 (2006-2010) akan melegakan pembangunan dua projek besar UPM, iaitu menaik taraf bangunan Fakulti Pertanian dan bangunan baru Kompleks Fakulti Kesihatan Veterinar,” katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Selain dua projek tertangguh itu, Zainal berkata, UPM menubuhkan fakulti baru, iaitu Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul untuk memberi tumpuan khusus dalam bidang bioteknologi, biomolekul dan teknologi makanan.

Katanya, penekanan kerajaan terhadap inovasi atau usaha mengkomersialkan hasil penyelidikan IPT juga dijangka menjadi tumpuan khusus dalam Bajet 2005.

Beliau berkata, beberapa IPT awam (IPTA) termasuk UPM sudah mempunyai entiti khas untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan seperti UPM Holdings.

“Ketika ini, entiti komersial ini belum begitu aktif walaupun sesetengah IPTA menubuhkannya sejak beberapa tahun lalu.

“Kita jangka bajet kali ini akan menyediakan dana khas untuk membolehkan IPTA mengeluarkan secara besar-besaran produk yang sudah dipatenkan sama ada secara kerjasama dengan swasta atau kae-dah lain,” katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kebangsaan Institusi Pendidikan Swasta (Napei), Dr Mohamed Thalha Alithamby, berkata IPT swasta (IPTS) memohon kerajaan menyediakan insentif khas kepada kolej swasta membuka kampus tetap di sekitar atau luar Lembah Klang.

Katanya, Napei juga mencadangkan kerajaan negeri yang memegang kuasa pentadbiran tanah memberi tapak percuma kepada kolej yang ingin mendirikan kampus tetap di negeri masing-masing.

Selain itu, premium untuk menukar hak milik tanah kepada kolej swasta hendaklah pada kadar paling minimum sebagai galakan kepada IPTS yang ingin mendirikan kampus tetap.

“Walaupun kerajaan negeri tidak mendapat hasil secara langsung daripada penubuhan kampus IPTS ini, Napei berpendapat galakan seumpamanya akan memberi pulangan lain.

“Antaranya ialah kenaikan harga tanah di sekitarnya dan peluang pekerjaan untuk penduduk negeri terbabit, contohnya penyediaan makanan, sewa rumah, jualan alat tulis dan sebagainya,” katanya.